

(April - Jun)
EDISI 2, 2025

POLIKU.EDU

e-buletin



Diterbitkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Kuching Sarawak
KM22, Jalan Matang,
93050 Kuching, Sarawak.

No. Telefon: 082-845 596
No. Fax: 082-845 023

Laman sesawang: www.poliku.edu.my

Hakcikpta terpelihara.

Sebarang penerbitan semula buletin ini di dalam bentuk apa jua adalah
TIDAK DIBENARKAN kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak
Politeknik Kuching Sarawak.

KANDUNGAN

- 1 TVET 205
ms 1 - 3
- 2 Sorotan Utama
ms 4 - 12
- 3 Rangkuman Aktiviti PKS
ms 13 - 34
- 4 Pencapaian
ms 35 - 38

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Politeknik mula diperkenal di Malaysia melalui penubuhan Politeknik pertamanya, Politeknik Ungku Omar di Ipoh di bawah Pelan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1969. TVET diperkuuhkan dengan perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai pendidikan pada tahun 1979 dan Pelan Induk Perindustrian Kebangsaan pertama (1985–1995). Kesemua perancangan termasuk perakuan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan (1991), telah membolehkan penubuhan lebih banyak Politeknik serta menambah program pengajian bagi dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan perkhidmatan. Pada 20 November 2009, pihak Jemaah Menteri telah meluluskan Memorandum daripada Menteri Pengajian Tinggi berkaitan dengan Hala Tuju Transformasi Politeknik yang melibatkan empat teras berikut:

- Pertama : Memperkasa politeknik ke arah menjadi pilihan yang setanding dengan universiti awam;
- Kedua : Membangunkan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujuan yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik;
- Ketiga : Memperkasa warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi;
- Keempat : Membina imej bereputasi tinggi budaya kerja cemerlang.

Selain itu, pihak Jemaah Menteri pada 26 Mac 2010 telah menimbang Memorandum daripada Menteri Pengajian Tinggi yang bersetuju supaya ditubuhkan sepuluh Politeknik METR0, empat politeknik dalam RMKe-9 dan enam politeknik dalam RMKe-10. Konsep penubuhan dan pelaksanaan kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen telah dipersetujui pihak Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. Walau bagaimanapun, pada 2005 pihak Jemaah Menteri telah menimbang semula konsep tersebut dan bersetuju agar penubuhan kolej komuniti berdasarkan keperluan kawasan setempat. Pada tahun 2007, Jemaah Menteri bersetuju agar kolej komuniti dijadikan hab Pembelajaran Sepanjang Hayat. Lanjutan itu, pada tahun 2014, Jemaah Menteri telah mengambil maklum mengenai pelaksanaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di kolej komuniti.

Bagi mengukuhkan peranan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam bidang pendidikan dan latihan, Jemaah Menteri pada 24 Mac 2017 telah meluluskan penggabungan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam satu jabatan. Struktur organisasi baharu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 23 Februari 2018.





Selain itu, pihak Jemaah Menteri pada 26 Mac 2010 telah menimbang Memorandum daripada Menteri Pengajian Tinggi yang bersetuju supaya ditubuhkan sepuluh Politeknik METR0, empat politeknik dalam RMKe-9 dan enam politeknik dalam RMKe-10. Konsep penubuhan dan pelaksanaan kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen telah dipersetujui pihak Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000. Walau bagaimanapun, pada 2005 pihak Jemaah Menteri telah menimbang semula konsep tersebut dan bersetuju agar penubuhan kolej komuniti berdasarkan keperluan kawasan setempat. Pada tahun 2007, Jemaah Menteri bersetuju agar kolej komuniti dijadikan hab Pembelajaran Sepanjang Hayat. Lanjutan itu, pada tahun 2014, Jemaah Menteri telah mengambil maklum mengenai pelaksanaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di kolej komuniti.

Bagi mengukuhkan peranan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam bidang pendidikan dan latihan, Jemaah Menteri pada 24 Mac 2017 telah meluluskan penggabungan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam satu jabatan. Struktur organisasi baharu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 23 Februari 2018.

TVET DIGITAL 2023-2027

Sumber: Bahagian Intruksional & Pembelajaran Dijital JPPKK

Pengenalan

Transformasi TVET POLYCC melalui digitalisasi bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi, fleksibel dan bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

Matlamat Utama:

- 1 Memantapkan Pendigitalan Pendidikan di POLYCC
- 2 Menyediakan graduan dengan kemahiran teknologi baharu
- 3 Menjadikan POLYCC sebagai hub inkubator keusahawanan digital

Teras & Strategi

Teras 1: Pemantapan Pendigitalan Pendidikan

Future TVET Learning Space Ruang pembelajaran abad ke-21 dengan teknologi digital & VR/AR

Hub Pembelajaran Digital Repotori e-kandungan (EduTV, Shout TVET, Digital Library)

Pusat Pembelajaran Cloud CIDOS 4.0, micro-credentials, platform metaverse

Teknologi Instruksional Terkini Pembelajaran teradun, flipped classroom, gamification

Teras 2: Ketersediaan Ledakan Teknologi

Inisiatif 4IR Integrasi penuh elemen IR4.0 dalam kurikulum, projek flagships (AutonomoDigital Sandbox

Projek pelajar & inovasi berdasarkan 4IR

e-Rakyat Kursus pendek 4IR untuk industri & komuniti

Pemangkin TVET DIGITAL

- 1 Governan & Polisi
- 2 Infrastruktur & Infostruktur
- 3 Kolaborasi Industri
- 4 Latihan Industry Skills 4FWD
- 5 Pembudayaan & Pengiktirafan

Outcome Menjelang 2027

- 100% Penggunaan cloud services dalam CIDOS 4.0
- 2000 Kursus micro-credential ditawarkan
- Metaverse Platform pembelajaran praktikal SME-industri
- 100% Integrasi elemen IR4.0 dalam kurikulum
- 24,000+ Peserta kursus pendek 4IR

SOROTAN UTAMA

E-BULETIN POLIKU

SOROTAN UTAMA

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI BUMI 2025 PERINGKAT SARAWAK 21 APRIL | ISNIN



Majlis Perasmian Sambutan Hari Bumi 2025 Peringkat Sarawak telah berlangsung pada 21 April 2025 bertempat di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Len Talif Salleh, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak.

Turut hadir memeriahkan majlis ini ialah Yang Berbahagia Datu Jack anak Liam, Controller Kualiti Alam Sekitar; Encik John anak Rampai, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Sarawak; Encik Samsudin bin Mohd. Saleh, Pengarah Politeknik Kuching Sarawak; Encik Stephen Chin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.; Cr. Tan Kai, Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan; serta Encik Othman bin Mohd Kolol, Ketua Kampung Trombol.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan yang telah berlangsung pada sesi pagi, melibatkan pelajar-pelajar dari institusi pendidikan di sekitar Sarawak.

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI BUMI 2025 PERINGKAT SARAWAK



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI BUMI 2025 PERINGKAT SARAWAK



SOROTAN UTAMA

MAJLIS 'FINAL CLOCK OUT' YBRS. ENCIK SAMSUDIN BIN MOHD. SALEH, PENGARAH POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

07 MEI 2025 | RABU



Hari ini menjadi detik bersejarah buat Politeknik Kuching Sarawak (PKS) apabila YBrs. Encik Samsudin bin Mohd. Saleh, Pengarah PKS, menamatkan perkhidmatan beliau sebagai penjawat awam setelah 35 tahun menabur bakti.

Seawal pagi, beliau meluangkan masa bertemu warga kerja di setiap jabatan dan unit. Setiap langkah dan tutur kata beliau hari ini menjadi ingatan manis yang akan terus hidup dalam jiwa warga PKS.

Majlis diteruskan di sebelah petang dengan perasmian Rumah Budaya Kelab KEWARIS, diikuti sesi 'final clock out' yang disaksikan oleh Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Encik Mohd Nezuan bin Othman, barisan Jawatankuasa Pengurusan serta seluruh warga PKS.

Warga PKS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala jasa dan kepimpinan yang telah ditinggalkan. Semoga persaraan ini membawa ketenangan, kesihatan dan kebahagiaan bersama insan tersayang.

MAJLIS 'FINAL CLOCK OUT' YBRS. ENCIK SAMSUDIN BIN MOHD. SALEH, PENGARAH POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



SOROTAN UTAMA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JOM MASUK U 2025 ZON SARAWAK II 03 MEI 2025 | SABTU



Majlis Perasmian Program Jom Masuk U 2025 Zon Sarawak II telah berlangsung di Mydin Vista Tunku, Petra Jaya, Kuching pada 3 Mei 2025.

Majlis disempurnakan oleh Tuan Haji Husini bin Bakir, Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan, mewakili YB Dato' Sri Roland Sagah Wee Inn, Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak.

Program Jom Masuk U 2025 Zon Sarawak II anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berlangsung selama dua hari, dari 3 hingga 4 Mei 2025. Ia bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan laluan pendidikan tinggi kepada pelajar lepasan SPM, STPM dan setaraf secara langsung dan menyeluruh.

Sepanjang dua hari penganjuran, para pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat secara terus melalui pameran pendidikan, sesi konsultasi bersama institusi pengajian, serta pelbagai aktiviti interaktif dan STEM.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JOM MASUK U 2025 ZON SARAWAK II



Turut mencuri tumpuan ialah Festival@POLYCC yang menawarkan pelbagai kursus pembelajaran sepanjang hayat yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Kursus-kursus ini disertakan dengan sijil penyertaan sebagai galakan kepada peserta.

SOROTAN UTAMA

KETIBAAN RASMI PENGARAH BAHARU PKS, YBRS. ENCIK MOHAMAD NAZRI BIN ISMAIL

09 JUN 2025 | ISNIN



Politeknik Kuching Sarawak (PKS) menyambut ketibaan Pengarah baharu, YBrs. Encik Mohamad Nazri bin Ismail yang memulakan tugas secara rasmi pada hari ini. Ketibaan beliau pada pagi ini disambut oleh Timbalan Pengarah (Akademik), Ts. Aidawati binti Mustapha; Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Encik Mohd Nezuan bin Othman serta barisan Jawatankuasa Pengurusan PKS.

Sebagai simbolik permulaan tugas, YBrs. Pengarah telah melakukan sesi *clock-in* dan bergambar bersama Jawatankuasa Pengurusan. Seterusnya, satu sesi suai kenal antara beliau dan barisan pengurusan PKS telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama,PKS.

Terdahulu, beliau pernah menabur bakti di PKS dari tahun 1999 sehingga 2005, menjadikan pelantikan ini sebagai satu kepulangan yang penuh makna dan pengalaman tersebut pastinya memberikan kelebihan dalam menerajui hala tuju institusi ini.

Seluruh warga Politeknik Kuching Sarawak merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan ini dan mengucapkan selamat datang kembali kepada YBrs. Pengarah. Semoga PKS terus melakar kecemerlangan di bawah kepimpinan beliau.

KETIBAAN RASMI PENGARAH BAHARU PKS, YBRS. ENCIK MOHAMAD
NAZRI BIN ISMAIL




RINGKASAN AKTIVITI PKS

E-BULETIN POLIKU

SEMARAK SYAWAL @ PKS 2025

30 APRIL 2025 | RABU



PROMO SEMPENA PROGRAM JOM MASUK U 2025 ZON SARAWAK II

30 APRIL 2025 | RABU



Fashion Show
Drone Race
E-Sport: Mobile Legends
Cabutan Bergambar
Quiz Interaktif

PROMO SEMPENA PROGRAM JOM MASUK U 2025 ZON SARAWAK II

29 APRIL 2025 | SELASA



LAWATAN KERJA DAN PROGRAM EDUTOUR UTHM KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

25 APRIL 2025 | JUMAAT



JERAYAWARA GARIS PANDUAN PEMANGKUAN VERSI 4 (GPV4) SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI

24 APRIL 2025 | KHAMIS



POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

LAWATAN BAGI TUJUAN AUDIT PERJAWATAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI NEGERI SARAWAK TAHUN 2025

24 APRIL 2025 | KHAMIS



SANJUNGAN BUDI, LAMBAIAN KASIH

23 APRIL 2025 | RABU



CIVIL ENGINEERING INNOVATION AND EXHIBITION (CEINNEX) SESI II

2024/2025

22 APRIL 2025 | SELASA



POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



POLITEKNIK KUCHING SARAWAK


LAWATAN AKADEMIK KE LOJI KUMBAHAN AIR KUCHING CENTRALISED SEWAGE TREATMENT PLANT (KCSTP)

21 APRIL 2025 | ISNIN




LAWATAN AKADEMIK KE HONDA NORTHMONT CAPITAL SDN. BHD.

17 APRIL 2025 | KHAMIS



PKS JUARA KATEGORI INOVASI SISTEM/GAJET DI NGGSIC 2025

16 APRIL 2025 | RABU



LAWATAN AKADEMIK KE SUNDROP FRUIT JUICES SDN BHD

15 APRIL 2025 | SELASA



PESTA NIAGA SEMPENA COMMERCE WEEK 2025 ANJURAN COMMERCE CLUB

15 APRIL 2025 | SELASA



KUNJUNGAN HORMAT MASB KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

28 MEI 2025 | RABU



PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI@KAMPUS ATAU PJRM@KAMPUS

22 MEI 2025 | KHAMIS



TEMU BUAL TVS BERSAMA KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, ENCIK ESSTREE BIN ISHAK BAGI PROGRAM DIALOG TVS

16 MEI 2025 | JUMAAT



KONTINJEN POLYCC SARAWAK KE MYPOLYCC SPORTS CARNIVAL 2025

28 JUN 2025 | SABTU



SEMINAR PENDIDIKAN DAN KERJAYA

"KEJAYAAN MASA HADAPAN BERMULA HARI INI"

24 JUN 2025 | SELASA



LAWATAN PENANDA ARAS EKSA KOLEJ KOMUNITI MAS GADING KE POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

20 JUN 2025 | JUMAAT



SESI PERBINCANGAN PROGRAM PSH:
KURSUS PRA PERKAHWINAN ISLAM 2025

16 JUN 2025 | ISNIN



KERJASAMA PKS DENGAN AGENSI NEGERI (SCOPE)

11 JUN 2025 | RABU



PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA & IBADAH KORBAN 1446H ANJURAN PUSAT ISLAM POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

10 JUN 2025 | SELASA



PENCAPAIAN

E-BULETIN POLIKU

KONTINJEN POLYCC SARAWAK KE MYPOLYCC SPORTS CARNIVAL 2025

28 JUN 2025 | SABTU



Seramai 29 orang pelajar PKS telah terpilih mewakili Kontinjen PolyCC Sarawak ke MyPolyCC Sports Carnival 2025 di Politeknik Kota Bharu, Kelantan yang berlangsung pada 29 Jun hingga 3 Julai 2025. PolyCC Sarawak diwakili oleh 54 atlet dan 14 orang pegawai pasukan dalam empat acara sukan iaitu Bola Sepak, Bola Jaring, Bola Takraw dan Badminton.

Pasukan Badminton POLYCC Sarawak atas kejayaan memenangi Tempat Kedua (Perak) bagi acara sukan Badminton manakala Pasukan Bola Jaring POLYCC Sarawak atas kejayaan memenangi Tempat Kempat bagi acara sukan Bola Jaring. Syabas diucapkan!

KONTINJEN POLYCC SARAWAK KE MYPOLYCC SPORTS CARNIVAL 2025

28 JUN 2025 | SABTU



ANUGERAH GEMILANG PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2024

07 MEI 2025 | RABU



Syabas dan tahniah diucapkan kepada Saudara Muhammad Safwan bin Habib, pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) kerana dinobatkan sebagai penerima Anugerah Gemilang Kemahiran (Politeknik).

Majlis yang berlangsung di KSL Esplanade Hotel, Klang, Selangor dengan tema “TVET Peneraju Masa Depan” ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi.

NATIONAL GEOMATIC/GEOINFORMATIC STUDENTS INNOVATION COMPETITION (NGGSIC) 2025

16 APRIL 2025 | RABU



Program National Geomatic/Geoinformatic Students Innovation Competition (NGGSIC) 2025 edisi ke-12 telah berlangsung dengan jayanya pada 16 April 2025 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Kuantan, Pahang.

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) telah mencatat pencapaian membanggakan apabila membawa pulang keseluruhan enam pingat:

- Dua Gold Awards
- Dua Silver Awards
- Dua Bronze Awards

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

- YBrs. Encik Samsudin Bin Mohd. Saleh

KETUA EDITOR

- Ts. Aidawati binti Mustapha
- Encik Mohd. Nezuan Bin Othman

EDITOR

- Puan Dasima Binti Nen @ Shahinan
- Puan Azrina Binti Madihi
- Puan Azwa Binti Abdul Halim
- Puan Wee Chiau Yen Jkm
- Encik Mohamad Faisal Daniel Bin Zaini
- Puan Fatimah Binti Leman
- Puan Jocelyn Anak Medoi Ups
- Encik Johari Ahmad Ghazali
- Encik Sufian Ahmad
- Puan Noor Adziella Binti Mohamad
- Puan Azila Binti Mustaffa

GRAFIK & MULTIMEDIA

- Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (UIDM)

JURU FOTOGRAFI

- Mohd Hadzli Bin Othman

www.poliku.edu.my



polikuchingsrwk